

20 SEP 2002

Belanjawan-Sukan

RM227.5 JUTA PERUNTUKAN BUAT KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan memperuntuk RM227.5 juta kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi menjayakan pelbagai program dan aktiviti sukan terutamanya mempromosikan sukan baru seperti sukan lasak dan bermotor, bot laju serta perahu layar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Parlimen hari ini berkata bahawa kerajaan akan terus memperluaskan program dan menggalakkan aktiviti sukan di negara ini.

"Kerajaan akan terus memperluaskan program serta menggalakkan aktiviti sukan bukan sahaja sebagai usaha menerapkan budaya gaya hidup sihat tetapi juga menarik lebih ramai peminat sukan antarabangsa untuk menyertai aktiviti sukan di negara ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh kontinjen negara pada Sukan Komanwel di Manchester, England dua bulan lepas yang berjaya membawa pulang tujuh pingat emas, sembilan perak dan 18 gangsa.

"Walaupun kita masih mampu mengekalkan prestasi yang baik dalam beberapa bidang sukan, namun kita masih jauh tercicir dalam beberapa bidang lain," katanya.

Dr Mahathir melahirkan rasa kecewa dengan prestasi pasukan bola sepak negara yang kini terumbang-ambing dan jauh ketinggalan berbanding pasukan Asia lain seperti Korea Selatan dan Jepun.

"Negara pernah pada satu ketika dahulu mengecapi kegemilangan di arena bola sepak dan cukup terkenal di rantau Asia, malahan pernah mengalahkan pasukan Jepun dan Korea Selatan, yang kini muncul sebagai gergasi bola sepak bertaraf dunia. Apakah yang telah terjadi kepada pemain kita?" katanya.

Pasukan bola sepak negara meraih pingat gangsa pada Sukan Asia 1974 di Teheran dan melayakkan diri beraksi pada Sukan Olimpik 1972 di Munich, Jerman dan pada 1980 di Moscow, Russia.

Kini Malaysia hanya menduduki ranking ke-20 di kalangan negara Asia dan ke-121 dunia.

Beliau menggesa semua pihak, terutamanya persatuan-persatuan sukan yang bertanggungjawab supaya mengenal pasti dan mengambil langkah segera bagi mengatasi kelemahan yang disebabkan bersengketa sesama sendiri.

"Kita mesti tingkatkan keyakinan dan semangat bagi mengembalikan semula kegemilangan sukan negara."

Dr Mahathir meminta agar Sukan Asia ke-14 di Busan, Korea Selatan bulan depan dijadikan sebagai cabaran untuk membuktikan bahawa atlet Malaysia mampu mencapai tahap kejayaan yang lebih gemilang lagi.

"Bagi kontinjen negara, buktikan Malaysia Boleh."

-- BERNAMA

HRS NMO